

Dr M seru Hilton tingkat kecekapan

KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menghadiri majlis jamuan sempena ulangtahun ke-10 penubuhan Hotel Hilton Kuala Lumpur, di sini.

Turut hadir di majlis itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam dan Datin Maria, Pengerusi Pernas, Tunku Datuk Shahriman dan dif-dif kenamaan.

Kemuncak majlis itu ialah upacara menyalaikan lampu sebuah kek berbentuk Hotel Hilton oleh Datuk Seri Dr Mahathir.

Dalam ucapan ringkasnya, Perdana Menteri berharap pihak pengurusan dan kakitangan hotel itu akan bekerja lebih kuat untuk menghadapi persaingan daripada hotel-hotel besar yang bakal didirikan di ibu negara.

Katanya, mereka hendaklah bersedia untuk meningkatkan kecekapan dan daya pengeluaran bagi menandingi beberapa buah hotel yang akan dibuka tidak lama lagi, antaranya termasuk sebuah hotel di bangunan baru Ibu pejabat Umno, Hotel Tokyo dan Hotel Shangri-la.

Terdahulu dari itu, Tengku Datuk Shahriman berkata, pemilik Hotel Hilton, Pernas International Hotels and Properties dan Hilton International akan membelanjakan \$14 juta untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan di hotel itu.

No. Siri ..

No. Pener ..